

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 2
12

APR - JUN



12

**PERI PENTINGNYA
PATUHI JADUAL
SERVIS RUTIN**



16

**KETAHUI TAHAP
PERKHIDMATAN YANG
DISEDIAKAN**



18

**MATIKAN
PERBUALAN...
BUKANNYA DIRI ANDA!**

Tindakan Ketika Menghantar Kereta Untuk Diservis


Profil dan Maklumat Utama

Fleet Kerajaan Persekutuan Malaysia

Seliaan SPANCO Sdn Bhd


(Dikemaskini 15 Julai 2012)

Profil Fleet Mengikut Model




Saiz fleet: 9,645


Profil Fleet Mengikut Usia (Tahun)




Pesanan Gantian Daripada Pelanggan Untuk Kereta-Kereta Yang Tamat Pajakan (LED) Bagi 3 Bulan Berikutnya




Status Pesanan



Pesanan Mengikut Model



Kes Kemalangan Bagi 12 Bulan



Tahap Ketersediaan Kenderaan

	Jumlah kereta	Peratus
Tersedia	9,308	96.48%
VOR – Kemalangan/Kerosakan	95	0.98%
VOR – Sedang menjalani servis	197	2.04%
VOR – Sedia untuk diambil	48	0.50%

* VOR - Vehicle off road

Peringatan Servis

	Sampai tempoh	1 bulan	2 bulan
Servis Penyenggaraan	222	436	732

Saman

	Tertunggak
PDRM	46,528
Pihak Berkuasa Tempatan	5,481

Salam Ramadan, Salam Aidilfitri Dan Selamat Memandu

SYUKUR ke hadrat Allah S.W.T kerana sekali lagi memanjangkan usia dan mengizinkan kita untuk melalui Ramadan – penghulu segala bulan serta bulan yang penuh kemuliaan dan keberkatan. Ramadan umpama madrasah kepada seluruh umat Islam untuk mentarbiahkan diri supaya mengawal nafsu sekaligus memperbaiki sahsiah serta mempertingkatkan kekukuhan keimanan dan ketakwaan. Selesai menyempurnakan ibadah puasa Ramadan, Allah S.W.T menganugerahkan Aidilfitri pada 1 Syawal kepada hamba-Nya sebagai hari meraikan kemenangan memerangi nafsu dalam dirinya.

Antara kehebatan Aidilfitri ialah kuasa magnetiknya yang menghambat hati dan meruntun perasaan setiap umat Islam untuk berkumpul bersama keluarga dan sanak saudara. Untuk itu, luangkan masa secukupnya menghantar kenderaan untuk diservis. Ini bagi memastikannya dalam keadaan baik dan berkeupayaan untuk melakukan perjalanan ke destinasi masing-masing.

Keselamatan rumah yang ditinggalkan juga jangan diambil ringan. Justeru, pastikan semua pintu, tingkap dan pintu pagar berkunci rapi. Jangan lupa memaklumkan tempoh ketiadaan anda di rumah dengan petugas di pondok pengawal, balai polis serta jiran-jiran dan meminta mereka membantu memantau rumah kita.

Ketika memandu balik kampung, pergi menziarahi rumah sanak saudara dan seterusnya kembali semula ke rumah masing-masing, patuhi isyarat lalu lintas di sepanjang laluan. Sambil itu, memandulah secara berhemah, bersabar dan bertolak-ansur kerana jika semua pengguna jalan raya bersikap begini maka ini akan membantu kita terhindar daripada kemalangan.

Dalam suasana Aidilfitri masih diraikan, rakyat Malaysia akan menyambut pula Hari Kemerdekaan ke-55 pada 31 Ogos. Sebagai warganegara, antara peranan dan tanggungjawab kita ialah memastikan kemakmuran negara serta keharmonian masyarakat terus subur. Bertuahnya kita hidup di bumi Malaysia aman dan makmur ini. Bersyukurlah kerana kita terhindar daripada malapetaka dan sengketa.

Di sini juga, wargakerja pengurusan SPANCO merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang terus memberi sokongan dan kepercayaan kepada SPANCO untuk menguruskan fleet Kerajaan sejak 18 tahun lalu. Kami menerima tanggungjawab ini dengan iltizam untuk terus memperkasakan fleet supaya lebih tangkas serta efisien demi keselamatan dan kepuasan pelanggan.

Kami juga tidak mampu mencapai prestasi ini tanpa sokongan pembekal dan semua rakan niaga SPANCO yang memberi kerjasama padu. Justeru, ucapan terima kasih daripada kami untuk anda jua.

Akhirnya, dengan penuh kesyukuran dan tawaduk, SPANCO mengucapkan Salam Ramadan Al-Mubarak serta Salam Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Zulkifli Abd Aziz
Pengurus Kanan Operasi





PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim
Zulkifli Abd Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : prihatin@spanco.com.my
web : www.spanco.com.my
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel : 03-8941 4013 Faks : 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Menarik keluaran ini



7



8



20



22

DARI SIDANG PENGARANG

- 03** Salam Ramadan, Salam Aidilfitri
Dan Selamat Memandu

SERVIS

- 05** PSW Batu Caves Gabungkan Teknologi dan Estetik
- 07** Latif Mahu Suburkan 'WOW Service' Di PSW Batu Caves
- 08** Pemandu Berperanan Pastikan Fleet Selamat
- 10** Tindakan Ketika Menghantar Kereta Untuk Diservis
- 12** Peri Pentingnya Patuhi Jadual Servis Rutin
- 14** Maklumat Aktiviti Tahap Servis Suku Kedua 2012
- 16** Ketahui Tahap Perkhidmatan Yang Disediakan

KESELAMATAN

- 18** Matikan Perbualan... Bukannya Diri Anda!
- 20** Telefon 1-800-88-6999 Bila Kecemasan, Kemalangan Atau Kerosakan

PENJAGAAN KERETA

- 21** Tekanan Udara: Bila Dan Bagaimana Menetapkannya
Tip Penjagaan Bagi Meningkatkan Hayat, Prestasi Dan Ketahanan Tayar
- 22** Elakkan Bateri Mati



PSW Batu Caves Gabungkan Teknologi dan Estetik

PENYEDIAAN kemudahan serba lengkap menggabungkan teknologi terkini dan ciri estetika adalah selaras komitmen SPANCO untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada Kerajaan Malaysia.

Bagi tujuan itu, Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dibuka kepada pelanggan pada Julai 2005 menggantikan pusat servis utama sebelum itu di Segambut, Kuala Lumpur.

Pemindahan PSW ke Batu Caves diputuskan setelah mengambil kira kepentingan pelanggan iaitu lokasi yang strategik dan mudah dikunjungi selain menyediakan prasarana lebih luas, mesra serta selesa bagi menampung pertambahan fleet.

Menelan kos pelaburan RM10 juta, PSW Batu Caves bukan sekadar pusat servis malah bertindak sebagai pusat sehati yang menyediakan perkhidmatan fleet secara menyeluruh di bawah satu bumbung.

Ia berperanan sebagai pusat operasi SPANCO yang menempatkan bahagian penting seperti servis, pembekalan, pentadbiran fleet, khidmat pelanggan,

kawalan senggaraan dan teknologi maklumat.

Kaunter servis dan ruang tamu

Servis yang profesional dan fokus kepada pelanggan selain mampu menambat hati menjadi matlamat utama SPANCO dalam setiap perancangan termasuk pembinaan PSW Batu Caves.

Sebaik sahaja menjejaskan kaki ke pusat servis utama ini, pelanggan akan merasai suasana yang tenang dan selesa ketika berurusan. Terdapat tujuh kaunter perkhidmatan yang dikendalikan oleh penasihat servis yang ramah dan terlatih, bersedia untuk menguruskan pelanggan.

Suasana santai dirasai apabila pelanggan masuk ke bilik menunggu yang dilengkapi set televisyen berskrin lebar, mesin pembancuh kopi dan dispenser air. Bilik berkenaan turut dihias dengan set rekaan dalaman yang moden dan sofistikated seperti set sofa yang kontemporari.

Penggunaan kaca sebagai pintu dan pemisah mewujudkan persekitaran yang terbuka dan luas. Manakala kemasan



Ia berperanan sebagai pusat operasi SPANCO yang menempatkan bahagian penting seperti servis, pembekalan, pentadbiran fleet, khidmat pelanggan, kawalan senggaraan dan teknologi maklumat.

kelabu dan perak memberikan penampilan yang berprestij dan mewah.

Usaha memperbaharui tahap servis terus dilaksanakan apabila kaunter perkhidmatan dan ruang tetamu dinaiktarafkan pada Mac 2011 bagi menampung permintaan servis yang meningkat.



Petugas terlatih, berpengalaman

Dari bahagian pengurusan dan pentadbiran hingga ke bahagian teknikal, kesemua petugas yang berkhidmat di PSW Batu Caves adalah terlatih dan berpengalaman.

Mekanik misalnya rata-rata memiliki sekurang-kurang sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) Tahap 1. Kebanyakan mereka telah menyertai SPANCO sejak syarikat memulakan operasi pada 1994.

Pelaburan dalam pembangunan sumber manusia juga sentiasa diperbaharui bagi memanfaatkan teknologi dan ilmu pengetahuan terkini dalam menguruskan fleet.

Untuk itu, petugas di PSW Batu Caves menjalani kursus dan latihan dari masa ke semasa bagi mempertingkatkan kebolehan dan kecekapan mereka dalam bidang masing-masing.



Pusat servis

PSW Batu Caves adalah mercu tanda SPANCO sebagai sebuah syarikat

pengurusan fleet profesional terunggul di Malaysia.

Sehubungan itu, pembinaan pusat servis memenuhi spesifikasi tertinggi yang ditetapkan SPANCO. Sebagai wakil sah Proton Edar, pusat servis ini mengambil kira keperluan pengeluar kenderaan nasional itu.

Lantai ruang servis yang kalis air dibina daripada konkrit bermutu tinggi dan lapisan epoksi yang tahan lasak bagi mengurangkan penyerapan minyak ke dalam lantai.

Bumbung jek berventilasi memudahkan pengudaraan manakala bahan khas daripada penebat digunakan bagi persekitaran kerja yang nyaman dan menjimatkan tenaga selain mengurangkan bunyi bising apabila hujan.

Dari segi kelengkapan pula, PSW Batu Caves dilengkapi pelbagai peralatan baik pulih automotif berteknologi tinggi dan berupaya mengendalikan 90 servis biasa dalam sehari.

Di samping penganalisis enjin dan penguji diagnostik mudah alih, peralatan lain yang memanfaatkan sistem berkomputer ialah mesin pengisi angin tayar digital dan alat penjarangan roda.

Malah PSW Batu Caves turut mengutamakan kebersihan dengan menggunakan antaranya mesin pam minyak enjin pneumatik dan pengumpul sisa serta dispenser minyak enjin.

Kedua-dua alat itu memastikan pengumpulan sisa dan penuangan minyak enjin tanpa tumpahan dan tanpa mencemarkan alam sekitar.

Manakala pemintas minyak pula memerangkap kotoran gris dan minyak sebelum air sisa disalurkan semula ke dalam sistem perparitan.

Sementara itu, semua tugas yang dilakukan di ruang servis diselaraskan melalui komputer yang dihubungkan kepada sistem teknologi maklumat dan komunikasi pusat.

Melalui sistem komputer berpusat itu, segala maklumat mengenai sesebuah kereta boleh diperoleh di hujung jari dan di bawah satu sistem maklumat bersepadu.

Pelanggan juga boleh mendapatkan

maklumat itu di mana sahaja secara atas talian dan di dalam masa nyata.

Dengan ruang servis yang luas, bersih dan selesa serta dilengkapi peralatan terkini, pelanggan SPANCO dijamin menikmati perkhidmatan yang cekap, pantas dan diyakini.



Lokasi

Terletak hanya kira-kira 8km dari pusat bandaraya, PSW Batu Caves amat mudah dikunjungi dari semua arah kerana dihubungkan dengan beberapa lebuh raya utama seperti Lingkaran Tengah II (MRR2), Lebuhraya Karak dan Jalan Kuching.

Selain itu pelanggan boleh datang melalui Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya PLUS, dan dari arah Ulu Klang.

Pelanggan yang mahu ke sini boleh mendapatkan bantuan pemandu arah melalui papan tanda pemberitahuan yang diletakkan di beberapa lokasi strategik di lebuh raya dan jalan raya.

PSW Batu Caves

Alamat :

No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves, Selangor

Tel : 603 - 6192 8888

Faks : 603 - 6192 8889

Petak servis : 30

Kapasiti : 90 kereta

Pengurus Servis Woksyop :

Md Latif Ismail



Latif Mahu Suburkan 'WOW Service' Di PSW Batu Caves

PENGALAMAN lebih 17 tahun dalam bidang automotif dan pengurusan woksyp melayakkan Md Latif Ismail, menyandang jawatan sebagai Pengurus Woksyp, Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves. Beliau menyertai SPANCO pada 1 November 2007 dan memikul tanggungjawab untuk menguruskan woksyp.

Latif, 41, menghimpunkan pengalaman dan kemahiran dalam bidang automotif apabila memulakan kerjaya di Jabatan Kejuruteraan Pengeluaran Enjin dan Transmisi PROTON sejurus tamat pengajian pada 1995.

Antara peranan penting yang dipikul di syarikat pengilang kenderaan nasional itu ialah sebagai ketua projek bagi pengeluaran enjin yang dilengkapi sistem pengurusan enjin baru (1999–2001). Sebelum itu, beliau adalah ketua projek dalam membangunkan sistem pembekalan untuk alat ganti (1997–1999).

Latif juga berpengalaman menguruskan penyenggaraan kereta-kereta mewah. Beliau berkhidmat sebagai Penolong Pengurus Servis bagi

NZ Wheels Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat pengedar sah Mercedes-Benz dan pernah diamanahkan dalam pembukaan pusat servis Autohaus di Johor Bahru.

Beliau yang dianugerahkan enam cahaya mata dan gemar membaca, memiliki kelayakan dalam bidang Kejuruteraan Kimia dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of Leeds, United Kingdom dan diploma dari Universiti Teknologi Malaysia.



Memberikan pengalaman berbeza kepada pelanggan dan pengguna kereta SPANCO dengan mewujudkan tahap perkhidmatan yang di luar jangka dan cemerlang yang dinamakan 'WOW Service'.

Menurut Latif, cabaran yang dihadapi dalam menguruskan woksyp di Batu Caves ialah bagaimana hendak mengekal dan memastikan mutu dan tahap perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada di paras yang terbaik dan memenuhi segala kehendak pelanggan.

Untuk itu, perancangan beliau dalam mempertingkatkan perkhidmatan ialah dengan memberikan pengalaman berbeza kepada pelanggan dan pengguna kereta SPANCO dengan mewujudkan tahap perkhidmatan yang di luar jangka dan cemerlang yang dinamakan 'WOW Service'.

"Ini boleh dilakukan dengan penerapan budaya kerja buat sekali dengan betul (fixed right the first time), melakukan penambahbaikan yang berterusan (continuous improvements) dan membangunkan modal insan melalui pelbagai siri latihan yang spesifik dan komprehensif," katanya.

Jika pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai servis di PSW Batu Caves, atau ingin bercakap dengan Pengurus Woksyp, anda boleh menghubungi Latif melalui telefon: **017-393 3873** atau emel, mdlatif@spanco.com.my.

Pemandu Berperanan Pastikan Fleet Selamat



TINDAKAN sentiasa diambil SPANCO bagi mempertingkatkan tahap keselamatan, penyenggaraan dan penyeliaan kereta. Namun pada masa sama, pelanggan serta pemandu sendiri memainkan peranan penting menyumbang ke arah fleet yang selamat dan efisien.

Anda dan pemandu memikul tanggungjawab antaranya dari segi perundangan, keselamatan dan operasi termasuk memiliki lesen memandu yang sah, berkelayakan serta mematuhi segala peraturan lalu lintas.

Yang perlu dipatuhi:

- ✓ Memandu secara berhemah, selamat dan sopan. Ingatlah! Faktor utama keselamatan sesebuah fleet terletak pada pemandunya.
- ✓ Pakai tali pinggang keselamatan kerana undang-undang mewajibkannya termasuk penumpang yang duduk di belakang.
- ✓ Selaraskan tempat duduk dan cermin bagi memastikan anda pada kedudukan betul dan selesa sebelum mula memandu.

- ✓ Gunakan cermin pandang belakang dan sisi serta nyalakan lampu isyarat sebelum memasuki laluan baru.
- ✓ Hidupkan lampu kecemasan apabila kenderaan rosak atau berhenti di tepi lebuh raya atau jalan-jalan awam yang lain.
- ✓ Patuhi semua undang-undang lalu lintas. Kesalahan trafik dan meletak kereta adalah tanggungjawab individu yang menggunakan kereta tersebut pada tarikh dan masa saman dikeluarkan.
- ✓ Lakukan pemeriksaan 5 minit sebelum memulakan perjalanan bagi memastikan anda memandu kenderaan yang selamat. (Baca tip di penghujung artikel)



Ingatlah! Faktor utama keselamatan sesebuah fleet terletak pada pemandunya.

Pemandu yang kompeten memiliki ciri-ciri berikut:

- Pengurusan diri dan masa yang baik.
- Pengetahuan serta memahami peraturan dan undang-undang lalu lintas.
- Pengetahuan aspek keselamatan di jalan raya termasuk keselamatan dan keselesaan penumpang serta keselamatan barang muatan.
- Pengetahuan tata cara pentadbiran kenderaan Kerajaan.
- Pengetahuan kod etika pemandu berhemah.
- Pengetahuan selok-belok jalan utama Malaysia.
- Pengetahuan aspek teknikal asas penjagaan dan memperbaiki kerosakan kecil.
- Kemahiran asas komunikasi dengan individu.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam.

✓ Lindungi kereta daripada kerosakan, kecurian atau disalahguna.

✓ Lindungi kereta daripada kecuaiian seperti meredah banjir kerana tindakan itu boleh menyebabkan kerosakan enjin selain membahayakan diri dan penumpang.

✓ Kunci semua pintu dan keluarkan semua barangan berharga apabila meninggalkan kereta.

✓ Serahkan kunci apabila anda memulangkan kereta kepada jabatan atau pegawai atasan anda.

✓ Sentiasa menyimpan kereta di kawasan letak kereta yang selamat.

✓ Buat laporan polis jika mengalami kemalangan walaupun kecil. Maklumkan kepada SPANCO melalui talian bebas tol **1-800-88-6999** supaya kemalangan dapat diuruskan segera dan sebaik mungkin.

✓ Laporkan serta-merta kecurian kereta atau sebarang kehilangan peralatan di dalamnya kepada polis.

✓ Pastikan brek tangan ditarik sebelum meninggalkan kereta.

✓ Bawa lesen memandu yang asal.

✓ Sentiasa layak dan upaya untuk

memandu. Jangan memandu jika tidak sihat.

Selain itu, jauhi daripada melakukan perkara berikut:

✗ Merokok ketika memandu kereta jabatan.

✗ Menggunakan kereta jabatan untuk urusan peribadi. Elakkan sebarang perkara yang boleh menimbulkan salah anggap.

✗ Membawa sesiapa saja yang bukan penjawat awam dalam kereta jabatan tanpa kebenaran ketua jabatan.

✗ Menggunakan kereta jabatan untuk berulang alik ke rumah atau meletakkannya di kediaman tanpa kebenaran bertulis pegawai bertanggungjawab terlebih dahulu.

✗ Memandu kereta tanpa memasang tali pinggang keselamatan termasuk semua penumpang di depan dan di belakang.

✗ Menggunakan telefon bimbit ketika memandu. Ia menjejaskan tumpuan pemanduan di samping menyalahi undang-undang.

✗ Menggunakan telefon bimbit ketika berada di stesen minyak kerana caj yang dihasilkan boleh menyebabkan letupan atau kebakaran.



Memandu kereta yang selamat

Pelanggan dan pemandu bertanggungjawab memeriksa kereta yang digunakan bagi memastikan ia selamat dipandu dan melaporkan sebarang masalah kepada penyelia fleet.

Galakkan pemandu anda melakukan sekurang-kurangnya pemeriksaan sepintas lalu seperti memeriksa tayar dan mengecam masalah melalui bunyi enjin sebelum kereta dipandu.

Semua amalan ini membantu mengesan sebarang keperluan untuk servis dan pembaikan sekali gus mengurangkan risiko kerosakan ketika dalam perjalanan.

Luangkan 5 minit untuk memeriksa sekurang-kurangnya:

- Tekanan udara pada tayar sentiasa cukup.
- Nat roda ketat dan roda tidak rosak.
- Tiada kerosakan serius yang boleh mendatangkan bahaya.
- Semua petunjuk, lampu belakang dan brek menyala manakala cermin tidak tercalar atau pecah.
- Lampu sorot depan berfungsi pada semua peringkat.
- Penyembur air dan penggilap cermin berfungsi.
- Hon berbunyi dengan jelas.
- Cukai jalan dan pendaftaran kenderaan tidak luput.
- Tali pinggang keselamatan dalam keadaan baik.
- Paras minyak enjin dan air pada tahap yang betul.



Sedikit masa yang diambil untuk memeriksa kereta anda sebenarnya merupakan pelaburan dalam memberi ketenangan fikiran dan mencegah kesulitan di kemudian hari.



Tindakan Ketika Menghantar Kereta Untuk Diservis

MENGHANTAR kereta ke pusat servis untuk melakukan pemeriksaan dan servis berjadual merupakan rutin yang amat mustahak bagi mengekalkan prestasi kereta pada tahap terbaik.

Jika penyenggaraan diabaikan dan tidak mematuhi saranan pengilang atau pengeluar, seperti menjarakkan jadual atau tempoh servis maka kerosakan yang lebih teruk pada kereta boleh berlaku.

Bagi pelanggan SPANCO, anda harus mematuhi jadual servis yang disyorkan iaitu bagi kereta Proton adalah setiap 10,000km atau 6 bulan yang mana dahulu.

Untuk memudahkan anda, ikuti panduan berikut apabila hendak menghantar kereta ke pusat servis pilihan anda.

- Sebaik-baiknya buat tempahan servis terlebih dahulu.
- Menempah temu janji servis bukan sahaja memudahkan jadual tugas anda malah melancarkan perancangan di pusat servis terbabit.
- Pelanggan SPANCO hanya perlu menelefon Pusat Panggilan 24 jam di talian bebas tol **1-800-88-6999** untuk mendapatkan temu janji servis berikutnya.

Tempahan servis adalah lebih mudah berbanding menghantar kereta secara terus (walk-in) kerana:

- Anda tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan layanan di kaunter servis jika anda hadir pada tarikh dan masa temu janji.

- Pusat servis dapat merancang dan mengagihkan tugas-tugas penyenggaraan serta pembaikan yang dijadualkan dengan lebih berkesan.
- Pusat servis dapat memesan dan menyediakan alat ganti yang secukupnya lebih awal berpandukan jadual tugas.
- Pusat servis boleh menjangka dan melakukan persiapan untuk sebarang masalah berpandukan jenis servis dan kereta yang akan masuk.
- Penyenggaraan dan pembaikan dapat disempurnakan dengan lancar mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Pelanggan dapat mengambil dan menggunakan semula kereta dengan cepat setelah servis disiapkan mengikut tempoh yang dijanjikan.

- Tempoh kereta tidak dapat digunakan (vehicle off road) dapat dikurangkan melalui servis yang dirancang dengan teliti.
- Pelanggan memperoleh manfaat dari tahap penggunaan kereta yang tinggi hasil dari perancangan jadual penyenggaraan yang teratur.
- Ketika mengambil semula kereta, pastikan semua tugas yang disenaraikan telah dilakukan dengan sempurna dan memuaskan.
- Sebagai pengguna, anda berhak untuk memaklumkan petugas jika menyaki terdapat percanggahan antara servis yang telah dilakukan dengan apa yang disenaraikan dalam borang tugas.
- Jika tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberi, adukan secara terus kepada SPANCO melalui Talian Bebas Tol **1-800-88-6999**.

Selain itu:

- Ada baiknya anda meneliti semula sejarah penyenggaraan kereta anda sebelum menghantarnya ke pusat servis.
- Ketahui jenis penyenggaraan bagi perbatuan atau tempoh yang tertentu. Misalnya, servis rutin setiap 10,000km dan servis utama pada 40,000km dan 100,000km.
- Sebelum menyerahkan kereta kepada pusat servis, keluarkan barang berharga di dalamnya terlebih dahulu.
- Pastikan anda memahami senarai tugas yang hendak dilakukan.
- Minta petugas atau penasihat servis menerangkan kepada anda satu demi satu mengenai apa jua penyenggaraan dan pembaikan yang bakal dilakukan.
- Pelanggan SPANCO yang menghantar kereta ke Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves atau Bangi akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) apabila kereta siap diservis.



Sebagai pengguna, anda berhak untuk memaklumkan petugas jika menyaki terdapat percanggahan antara servis yang telah dilakukan dengan apa yang disenaraikan dalam borang tugas.



SPANCO mengesyorkan anda membuat temu janji untuk melakukan servis berjadual atau penyenggaraan.

5 langkah servis di PSW Batu Caves



Sebaik sahaja memandu masuk ke premis PSW Batu Caves, pelanggan akan dilayan oleh kakitangan-kakitangan yang mahir lagi berpengalaman.



Perhatian segera diberikan oleh penasihat servis yang dilatih khas untuk melakukan analisis menyeluruh bagi keperluan kereta pelanggan.



Mekanik menyepak pesanan kerja yang diwujudkan oleh penasihat servis.



Setiap penyenggaraan mahupun pembaikan dilakukan dengan teliti dan cekap mengikut pesanan kerja.



Untuk menampilkan lagi keprihatinan SPANCO, tiada kenderaan yang meninggalkan premis tanpa dicuci dan divakum.

Peri Pentingnya Patuhi Jadual Servis Rutin

KEJADIAN sebuah kenderaan terkandas di bahu lebuhraya yang menyebabkan kesesakan lalu lintas beberapa kilometer jauhnya sudah menjadi fenomena biasa. Ia mungkin juga pernah berlaku kepada anda.

Kebanyakan kerosakan berpunca daripada masalah enjin yang telah diabaikan aspek penjagaannya.

Bagi mengelakkan daripada berlaku, kita perlu peka terhadap keperluan servis terutama sekali servis berjadual kereta yang digunakan.

Jadual servis harus mematuhi saranan pengeluar supaya kereta yang kita pandu dapat mencapai tahap operasi yang optimum.

Jangka hayat sesebuah kereta yang telah dijaga dengan baik juga mampu dilanjutkan.

Selain itu, servis rutin secara berkala mengekalkan penjimatan petrol apabila sistem pembakaran, transmisi dan gantungan dapat berfungsi dengan cekap secara bersama.

Anda juga lebih yakin memandu kereta yang dijaga dengan sempurna dan penumpang yang anda bawa akan turut merasa lebih selesa dan selamat menaikinya.

Servis berjadual cegah kerosakan

Jadual penyenggaraan menyenaraikan maklumat berkaitan tempoh dan jarak di

mana bahagian atau alat ganti tertentu perlu diperiksa ataupun diganti.

Antaranya, penukaran minyak enjin adalah aspek servis paling utama yang tidak boleh dipandang remeh. Jika tidak dilakukan mengikut tempoh atau jarak perbatuan yang disyorkan, boleh merosakkan komponen dalaman kerana kecekapan minyak enjin sebagai bahan pelincir akan susut mengikut hayat penggunaan dan suhu yang terlampau tinggi.

Alat ganti yang lazim ditukar atau diservis mengikut jarak perbatuan tertentu ialah seperti penapis minyak dan udara, penjajaran tayar, sistem penyejukan serta sistem transmisi dan brek.

Selain itu, ketika melaksanakan servis berjadual, mekanik akan melakukan



Anda mengundang bahaya kepada diri sendiri dan penumpang jika mengabaikan mana-mana aspek servis kereta yang anda pandu.

Mematuhi servis secara berjadual untuk:

- Memastikan kereta dapat mencapai tahap operasi yang optimum.
- Membantu dalam penjimatan petrol.
- Meningkatkan keselesaan dan keselamatan penumpang.
- Mengelakkan kerosakan teruk enjin serta bahagian lain seperti tayar, brek, sistem transmisi, sistem gantungan, penyejukan dan sebagainya.

Senarai servis rutin yang lazim dan antara alat ganti yang ditukar:

- Minyak enjin dan penapis.
- Putaran tayar.
- Bendalir casis.
- Penapis udara.
- Penapis kabin (untuk pendingin hawa).
- Penapis bahan bakar.
- Bendalir penyejuk.
- Servis transmisi.
- Servis gandar.
- Servis bateri.
- Tali sawat penalaan.

servis cegahan dengan memeriksa komponen tertentu bagi mencegah kerosakan sebelum berlaku.

Anda mengundang bahaya kepada diri sendiri dan penumpang jika mengabaikan mana-mana aspek servis kereta yang anda pandu. Jika tidak dilakukan mengikut tempoh yang sepatutnya, kerosakan yang lebih teruk boleh berlaku.

Bayangkan kesulitan yang akan menimpa anda dan penumpang jika masalah berlaku tiba-tiba ketika dalam perjalanan ke tempat kerja, mesyuarat atau majlis penting.

Lebih buruk lagi jika pengabaian servis membawa kepada malapetaka di jalan raya akibat enjin atau brek gagal berfungsi, tayar meletup dan sebagainya.

Justeru, jangan sekali-kali lupa untuk menghantar kereta untuk diservis walaupun anda mempunyai jadual harian yang sibuk. Anda boleh membuat tempahan atau temu janji servis yang boleh disesuaikan dengan jadual anda supaya kelancaran tugas anda tidak terganggu.

Jangan lupa servis berikutnya

Mematuhi jadual servis secara konsisten sebenarnya tidak sukar tetapi sebagaimana tugas lain, ia menuntut kita supaya berdisiplin dan membuat perancangan terlebih dahulu.

Bagaimanapun kita mungkin terlupa atau terlepas pandang kerana tempoh yang agak lama antara jadual servis iaitu dari tiga hingga enam bulan bagi perbatuan yang biasa.

Justeru dipaparkan di sini beberapa petua mudah yang dapat mengingatkan kita semua mengenai servis yang berikutnya:

- Manfaatkan teknologi – contohnya, kalendar di dalam telefon bimbit boleh digunakan untuk mengingatkan kita mengenai minyak enjin yang perlu ditukar.
- Peringatan melalui e-mel pula adalah cara mudah dan cepat untuk mengingatkan kita mengenai tarikh penting termasuk temu janji servis yang telah dibuat.

- Minta pertolongan ahli keluarga untuk mengingatkan kita mengenai tarikh atau jadual servis yang akan datang.
- Kereta terbaru seperti Proton Inspira akan memaparkan peringatan servis secara automatik pada *dashboard* apabila sampai waktunya.
- Gunakan khidmat peringatan servis yang disediakan oleh pusat servis anda. Label yang mencatatkan jarak perbatuan atau tarikh untuk servis berikut ada dilekatkan di cermin hadapan.

Bagi pelanggan SPANCO, peringatan servis akan dikirimkan melalui pos kepada jabatan untuk memberitahu jadual servis yang akan datang. Anda disarankan supaya mematuhi jadual tersebut.



Jangan sekali-kali mengabaikan notis peringatan servis berjadual yang diterima!



Maklumat Aktiviti Tahap Servis Suku Kedua 2012

JUMLAH *throughput* bertambah 8.64% pada suku kedua 2012 berbanding suku pertama. Purata kereta tersedia untuk digunakan pula meningkat kepada 97.7% daripada 97.6%, demikian antara kemajuan yang dicatat fleet Kerajaan Malaysia seliaan SPANCO setakat pertengahan tahun ini.

I. Throughput

Jumlah *throughput* atau tugas servis yang dilaksanakan ke atas fleet bagi suku kedua 2012 adalah 19,486.

Daripada jumlah itu, 4,822 dilakukan di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves; PSW Bangi (3,724) dan selebihnya 10,940 di Pusat Servis Diiktiraf (PSD) seluruh negara.

Dari segi peratusan, PSW Batu Caves dan PSW Bangi mencatatkan peningkatan berbanding suku

sebelumnya dengan masing-masing menyiapkan 24.75% dan 19.11% daripada keseluruhan *throughput*.

Bagi pecahan bulanan, jumlah *throughput* yang dicatat pada April adalah 6,326; Mei (6,563) dan Jun (6,597).

Ini menjadikan purata *throughput* keseluruhan meningkat kepada 6,495 sebulan pada suku kedua, berbanding 5,979 sebulan pada suku pertama.




Bagi tempoh suku kedua 2012, purata 222 VOR atau kereta tidak boleh gerak dalam sehari kerana menjalani penyenggaraan atau pembaikan di pusat-pusat servis, berbanding 229 kereta dalam suku pertama.

Jadual 1 : Throughput Suku Kedua 2012

	Purata Q1	April	Mei	Jun
PSW Batu Caves	1,455	1,563	1,563	1,696
PSW Bangi	1,134	1,232	1,219	1,273
PSD	3,390	3,531	3,781	3,628
Jumlah	5,979	6,326	6,563	6,597

Analisis Throughput SPANCO Bagi Suku Kedua 2012



PENJELASAN ISTILAH:

Throughput bermaksud jumlah tugas servis yang disiapkan.

VOR adalah istilah dalam industri automotif bermaksud kenderaan yang sedang menjalani servis sama ada berjadual ataupun baik pulih sekali gus tidak dapat digunakan.

Turnaround Time ialah tempoh senggaraan iaitu masa diambil untuk menyiapkan sesuatu tugas servis.

II. VOR (Vehicle off road)

Prestasi fleet turut mengalami peningkatan dari segi tahap ketersediaan apabila jumlah dan peratusan VOR (vehicle off road) berjaya diturunkan pada suku kedua berbanding suku pertama 2012.

Bagi tempoh suku kedua 2012, purata 222 VOR atau kereta tidak boleh gerak dalam sehari kerana menjalani penyenggaraan atau pembaikan di pusat-pusat servis, berbanding 229 kereta dalam suku pertama.

Dari segi peratusan pula, jumlah VOR untuk suku kedua itu mewakili 2.30% daripada jumlah keseluruhan fleet SPANCO yang dipajak oleh Kerajaan Persekutuan. Secara perbandingan, peratusan VOR untuk suku pertama adalah pada 2.38%.

Jadual 2 : Purata Bilangan Kereta Tidak Boleh Gerak Dalam Sehari

Suku Kedua 2012	Bilangan	Peratus
April	221	2.30%
Mei	227	2.36%
Jun	217	2.25%
Purata Keseluruhan	222	2.30%

Jadual 3 : Tempoh Senggaraan Bagi Suku Kedua 2012

	Hari yang sama	1 Hari	2 hari	3-5 Hari	6 Hari atau lebih	Jumlah
PSW Batu Caves	1,968	825	465	721	675	4,654
PSW Bangi	2,462	536	144	286	260	3,688
PSD	9,310	851	182	255	207	10,805
Peratus Keseluruhan	71%	12%	4%	7%	6%	19,147



III. Tempoh senggaraan (Turnaround Time)

Bagi suku kedua 2012, sebanyak 71% tugas servis disiapkan pada hari yang sama, 12% (sehari), 4% (dua hari), 7% (tiga hingga lima hari) dan 6% (enam hari atau lebih).

Sejumlah 1,968 tugas servis di PSW Batu Caves iaitu 42.29% disiapkan pada hari yang sama, manakala 2,462 (66.76%) di PSW Bangi dan 9,310 (86.16%) di PSD.

Dalam mempertingkatkan tahap kepuasan dan keselesaan pelanggan, Pengurusan Fleet Profesional sentiasa memantau tempoh servis disiapkan, selain menetapkan sasaran 200 kereta VOR sehari bagi memastikan pelanggan dapat menikmati fleet yang sentiasa bersedia dan boleh digunakan secara optimum.

Jumlah Servis Mengikut Tempoh Disiapkan Bagi Suku Kedua 2012



Keseluruhan Servis SPANCO Mengikut Tempoh Senggaraan Bagi Suku Kedua 2012

Ketahui Tahap Perkhidmatan Yang Disediakan

PERJANJIAN Tahap Perkhidmatan (SLA) yang disediakan oleh SPANCO Sdn Bhd melayakkan agensi, jabatan dan kementerian mendapatkan perkhidmatan pengurusan fleet yang memenuhi keperluan mereka.

Melalui SLA yang dipersetujui, Kerajaan Malaysia dibekalkan dengan perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaikan yang menyeluruh merangkumi:

Penyenggaraan berjadual

- Servis kecil (setiap 10,000km).
- Servis utama (setiap 40,000km dan 100,000km).

Penyenggaraan biasa

- Mengganti tayar.
- Servis penyaman udara.
- Mengganti bateri.
- Alat-alat ganti seperti penyerap hentakan, pad brek dan lain-lain

Penyenggaraan baik pulih

- Kemalangan & membaiki badan

kereta.

- Kerosakan mekanikal.

Bantuan kecemasan

- Pusat Panggilan 24-jam seluruh negara.
- Menunda kereta.

Ringkasnya agensi, jabatan dan kementerian boleh menghantar kereta konsesi ke mana-mana pusat servis SPANCO untuk keperluan servis dan pembaikan yang disenaraikan itu.

Di samping itu, pelanggan dijanjikan tahap perkhidmatan yang memuaskan berpandukan piawaian servis yang telah digariskan.

Antaranya termasuk tahap boleh gerak fleet melebihi 97% pada satu-satu masa, servis berjadual dilakukan dalam tempoh 2 hari dan masa tindak balas bagi menangani kecemasan ialah dalam tempoh 2 jam selepas panggilan diterima.

Piawaian servis SPANCO

- Tahap keupayaan boleh gerak kenderaan – lebih 97%.
- Servis berjadual – dalam tempoh 2 hari.
- Masa tindak balas – dalam tempoh 2 jam.
- Jadual penyenggaraan cegahan – menggantikan alat ganti sebelum rosak.
- Ulasan prestasi proaktif terhadap kenderaan – cadangan penggantian awal sekiranya kereta bermasalah atau atas sebab teknikal.
- Ulasan prestasi secara proaktif terhadap pusat servis diiktiraf (PSD) - memastikan tahap kualiti setanding seperti yang disediakan di pusat servis utama.
- Khidmat bantuan kecemasan 24 jam melalui talian bebas tol **1-800-88-6999**.

Tempoh servis disiapkan:

- Kes-kes yang perlu diselesaikan segera (urgent) – 2 jam;
- Pelanggan atau pemandu yang memilih untuk menunggu – pada hari yang sama;
- Servis yang lain – sebagaimana tarikh yang dijanjikan.

Pelanggan diminta supaya tidak melakukan sendiri apa jua servis yang diperlukan sebaliknya mendapatkannya di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dan Bangi atau di rangkaian pusat servis diiktiraf (PSD) yang terdapat di seluruh negara.

Untuk temu janji servis anda yang berikutnya, sila hubungi Pusat Panggilan di Talian Bebas Tol **1-800-88-6999**.

Inisiatif mempertingkatkan perkhidmatan

Perkhidmatan SPANCO menjangkau apa yang sedia termaktub di dalam perjanjian untuk memberi lebih keselesaan kepada pelanggan. Antara inisiatif dan khidmat tambah yang telah dilaksanakan dalam mempertingkatkan tahap servis adalah:

- Portal Fleet Online – kemudahan laman web khusus untuk pelanggan SPANCO. Anda boleh mengetahui maklumat dan butiran kereta seperti status penyenggaraan atau pembaikan, jadual servis yang seterusnya dan status pesanan secara dalam talian dan pada masa sebenar. Layari www.spanco.com.my
- Customer dashboard – merupakan antara modul dalam Portal Fleet Online di mana maklumat utama fleet pelanggan dipamerkan melalui paparan yang mesra pengguna.
- ASC e-approval – sistem perkhidmatan dalam talian untuk pusat servis diiktiraf (PSD)

mendapatkan kelulusan serta-merta melalui Internet bagi kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan yang hendak dilakukan.

- Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu – memusatkan rekod fleet dan menyepadukan pelbagai modul di dalam pengurusan fleet melalui aplikasi IT yang berintegrasi sepenuhnya (seamless).
- Servis cegahan – program yang memastikan alat ganti diperiksa dan ditukar bagi mencegah kerosakan.
- Servis audit – memastikan setiap kereta konsesi diservis mengikut jadual, di samping penyenggaraan dan pembaikan adalah seperti yang diluluskan serta alat ganti yang digunakan adalah tulen.
- Pemberitahuan melalui SMS – memaklumkan pelanggan melalui khidmat pesanan ringkas sebagai sahaja penyenggaraan atau pembaikan siap dan kereta sedia untuk diambil di Pusat Servis SPANCO.

Selaras memastikan Kerajaan Malaysia mendapatkan yang terbaik daripada perkhidmatan yang disediakan, Pengurusan Fleet Profesional SPANCO sentiasa melaksanakan semakan semula terhadap sistem, prosedur dan teknologi yang digunakan dari masa ke semasa.



Pelanggan dijanjikan tahap perkhidmatan yang memuaskan berpandukan piawaian servis yang telah digariskan.



Matikan Perbualan... Bukannya Diri Anda!

Tidak sabar untuk menjawab panggilan? Kod Keselamatan dan Adab untuk Pengguna Telefon Bimbit

MEMPUNYAI telefon bimbit di dalam kereta banyak membantu sekiranya dalam keadaan kecemasan selain memberi ketenangan fikiran dan keyakinan kepada

pemandu. Telefon terkini juga mempunyai ciri kamera, satelit pandu arah dan pelbagai kemudahan lain yang banyak gunanya kepada pemandu.

Bagaimanapun, menggunakan telefon bimbit sambil memegangnya ketika memandu merupakan satu kesalahan undang-undang serta membahayakan keselamatan diri mahupun pengguna jalan raya lain.

Pemandu yang didapati bersalah boleh dikenakan kompaun sebanyak **RM300** mengikut **AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)** dan **PERATURAN LALULINTAS 1958**.

Kajian menunjukkan, penggunaan telefon bimbit ketika memandu membuatkan anda empat kali lebih cenderung untuk mengalami kemalangan. Masa tindak balas untuk pemandu yang menggunakan telefon

sambil memegangnya adalah 50% lebih buruk berbanding memandu biasa.

Matikan telefon sebelum memandu

- Apabila memandu, gunakan peti suara atau perkhidmatan pesanan supaya anda boleh mendengarnya kemudian.
- Gunakan telefon hanya apabila anda telah berhenti di tempat yang selamat.
- Jangan berhenti di tepi lebuh raya melainkan jika kecemasan.
- Elakkan membuat atau menerima panggilan ketika memandu, walaupun dengan kit bebas tangan kerana ini akan mengganggu.

Di luar kereta, masih terdapat 'syarat-syarat' penting untuk dipertimbangkan. Berikut ada beberapa perkara asas yang boleh dan tidak boleh dilakukan.

Kod Adab Penggunaan Telefon Bimbit

Apabila anda dikelilingi orang atau berada di tempat sensitif, tetapi anda tidak mahu mematikan telefon anda, letakkannya dalam mod senyap. Tempat-tempat itu termasuklah:

- Mesyuarat, persidangan, teater, restoran, pawagam, perpustakaan, muzium, galeri seni, klinik, hospital, tanah perkuburan atau tempat beribadat.

Telefon bimbit kini merupakan peralatan yang canggih dengan mikrofon yang sensitif, maka anda tidak perlu bercakap dengan kuat!

- Bercakap dengan kuat adalah tidak perlu dan jika boleh, lindungi telefon dengan tangan yang satu lagi untuk mengurangkan gangguan suara anda pada orang lain.
- Berhati-hati dan bercakaplah dengan perlahan apabila berada di tempat awam seperti di dalam bas atau komuter.
- Sekiranya boleh, gunakan SMS atau e-mel untuk mengelakkan perbualan yang mungkin mengganggu orang lain.
- Jangan biarkan telefon bimbit anda

di atas meja ketika mesyuarat atau di restoran apabila dalam mod getar kerana ia juga boleh menyebabkan gangguan bising kepada orang lain.

- Sekiranya telefon anda mempunyai permainan elektronik, matikan bunyinya kerana ini juga boleh mengganggu orang lain.
- Jangan berbual-bual di telefon ketika melakukan tugas dengan orang lain. Agak tidak sopan untuk membiarkan pekdai, jurubank atau pemeriksa tiket menunggu sedangkan anda berbual dengan orang lain.



Kajian menunjukkan, penggunaan telefon bimbit ketika memandu membuatkan anda empat kali lebih cenderung untuk mengalami kemalangan.



Larangan menggunakan telefon bimbit ketika memandu

Menurut Kaedah 17A dalam Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 (LN 166/59) menyatakan seperti berikut :

“17A. Larangan terhadap penggunaan telefon bimbit.

- 1 **Tiada seorang pemandu pun, semasa memandu kenderaan bermotor di atas jalan raya, boleh menggunakan, atau cuba menggunakan telefon bimbit atau apa-apa alat komunikasi lain melainkan ia digunakan melalui suatu alat tanpa perlu dipegang.**
- 2 **Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1) adalah bersalah kerana melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan bertanggungjawab terhadap denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.”**

Peraturan ini tertakluk kepada semua pemandu yang memandu kenderaan bermotor bermula daripada beliau

menghidupkan enjin dan berada di atas jalan raya di mana perlu mematuhi semua peraturan-peraturan dan tanda isyarat termasuklah berhenti di depan lampu isyarat.

Pihak penguatkuasa yang mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai seseorang pemandu telah melakukan kesalahan seperti sedang menggunakan telefon bimbit boleh menyaman pemandu tersebut atas kesalahan peruntukan undang-undang di atas. Beban bukti menyatakan pemandu itu tidak bersalah dan enggan membayar denda kesalahan itu terletak pada pemandu itu sendiri bagi mempertahankan dirinya di mahkamah jika berasa diri telah dianiaya.

Sumber: PDRM





Telefon 1-800-88-6999 Bila Kecemasan, Kemalangan Atau Kerosakan

PELANGGAN SPANCO yang mengalami kecemasan, kerosakan atau kemalangan kenderaan ketika dalam perjalanan, boleh menghubungi Pusat Panggilan bagi mendapatkan bantuan pada bila-bila masa.



Anda hanya perlu menelefon talian bebas tol: **1-800-88-6999** dan petugas mahir Pusat Panggilan SPANCO sentiasa bersedia untuk membantu termasuk memaklumkan anda langkah yang selanjutnya.

Perkhidmatan bantuan servis kerosakan dan kecemasan ini beroperasi 24 jam dan disokong oleh rangkaian lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.




Pusat Panggilan 24 jam ini turut beroperasi pada hari cuti umum dan perayaan utama seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas.

Tunggu sehingga pasukan bantuan tiba

Apabila membuat panggilan kecemasan ke Pusat Panggilan SPANCO, anda perlu menyediakan maklumat berikut:

-  Nama penuh.
-  Nombor pendaftaran kereta.



-  Nombor telefon untuk dihubungi.
-  Lokasi kereta.
-  Masalah kereta.

Kemudian, tunggu di lokasi sehingga pasukan bantuan tiba. Jika perlu, anda boleh memaklumkan masalah yang dialami kepada anggota petugas supaya kerosakan kereta dapat dibaiki di lokasi dan anda serta penumpang boleh meneruskan semula perjalanan ke destinasi yang hendak dituju dengan selamat.

Bagi kecemasan di sekitar Lembah Klang, pasukan bantuan akan tiba dalam masa 2 jam selepas anda menghubungi Pusat Panggilan kami.

Bagi kawasan di luar Lembah Klang pula, kami akan segera mengarahkan petugas PSD berhampiran lokasi kerosakan untuk datang membantu anda.

Walau apa pun yang berlaku, ingatlah bahawa kereta SPANCO hanya boleh ditunda oleh panel yang dilantik sahaja.

Senarai dan maklumat lengkap mengenai pusat servis yang menyediakan pelbagai perkhidmatan membaiki kenderaan termasuk khidmat tunda terdapat dalam laman web rasmi SPANCO di: www.spanco.com.my.

**Bantuan Servis
SPANCO
1-800-88-6999
adalah:**

- Percuma
- 24 jam sehari
- 365 hari setahun
- Seluruh negara

Tekanan Udara: Bila Dan Bagaimana Menetapkannya

Tip Penjagaan Bagi Meningkatkan Hayat, Prestasi Dan Ketahanan Tayar

Periksa dan selaraskan tekanan pada waktu pagi – tetapkan tekanan ketika tayar 'sejuk' mengikut saranan pengeluar kenderaan seperti yang terdapat pada pelekat, label atau manual pemilik.

Tekanan sejuk bermaksud dilakukan sebelum suhu persekitaran meningkat akibat pancaran matahari atau sebelum kereta dipandu, walaupun jarak dekat kerana memandu akan memanaskan tayar.

Faktor penyesuaian

Terdapat beberapa faktor yang memerlukan anda menyelaraskan tekanan sejuk tayar ketika mengisi angin iaitu seperti:

Perubahan suhu di dalam dan luar bangunan – kadang kala terdapat perbezaan ketara antara suhu di mana tekanan tayar ditetapkan seperti di dalam garaj yang panas, dan keadaan cuaca di luar yang sejuk di mana kereta akan dipandu.

Bagi setiap 6° C perbezaan suhu, anda disarankan supaya mengisi

1psi lebih tinggi daripada tekanan sejuk yang disyorkan dalam manual. Contoh: Suhu dalam garaj adalah 27° C manakala di luar pula 24° C. Jika tekanan sejuk yang disyorkan adalah 29psi, maka selaraskan pada 29.5psi ketika mengisi angin tayar di dalam garaj.

Kenaikan suhu persekitaran pada waktu tengah hari – apabila memasang tayar baru atau sekiranya kenderaan telah diletakkan di tempat redup selama beberapa jam, tetapkan tekanan 2psi lebih tinggi daripada saranan pengeluar untuk tekanan sejuk.

Selepas memandu pada kelajuan kurang daripada 45bsj – tetapkan tekanan 4psi lebih tinggi daripada tekanan sejuk yang dicadangkan oleh pengeluar.

Selepas pemanduan yang jauh (atau pada kelajuan melebihi 45bsj) – tetapkan tekanan 6psi lebih tinggi daripada tekanan sejuk yang dicadangkan pengeluar.

Jangan kurangkan tekanan tayar yang panas – sekiranya mana-mana faktor di atas mungkin menjadi penyebab bacaan yang diukur melebihi tekanan maksimum yang dipamerkan pada dinding sisi tayar sebanyak 2, 4 atau 6psi.

Ini kerana tekanan udara akan bertambah seiring suhu dalam tayar yang meningkat sekali gus ini adalah normal dan tidak perlu diselaraskan.

Catatan: Tayar pada kenderaan yang diletakkan di bawah terik matahari akan nampak terlebih tekanan kerana haba yang diserap oleh tayar. Tekanan tidak boleh ditetapkan dengan tepat pada tayar-tayar ini sehinggalah keadaan telah stabil di tempat teduh.

Sumber: tirerack.com



Tekanan sejuk bermaksud dilakukan sebelum suhu persekitaran meningkat akibat pancaran matahari atau sebelum kereta dipandu, walaupun jarak dekat kerana memandu akan memanaskan tayar.



Elakkan Bateri Mati

BATERI yang mati menyebabkan kereta gagal dihidupkan dan rancangan anda pada hari itu tergendala. Anda mungkin tidak menjangka akan masalah itu tetapi sebenarnya ia tidak berlaku secara tiba-tiba. Malah kuasa bateri yang susut sedikit demi sedikit akan memberikan isyarat sehingga ia gagal berfungsi sepenuhnya.

Ambil tindakan dan elakkan daripada masalah bateri yang mati mengganggu rancangan anda. Ikuti beberapa langkah penyenggaraan dan sentiasa peka pada keadaan bateri anda.

Senggara bateri anda – penyenggaraan yang sempurna memanjangkan hayat bateri. Pakai cermin mata keselamatan dan lindungi mata anda apabila anda mengendalikan bateri:

- **Jaga kebersihan bateri.** Pastikan bateri, terminal dan kabel penyambung sentiasa bersih. Gunakan kertas pasir untuk membersihkan terminal dan kabel serta sapukan sedikit jeli petroleum pada terminal sebelum mengetatkan nat kabel.
- **Periksa tahap air (bagi bateri yang bukan bebas senggaraan).** Sekiranya bateri anda mempunyai penutup sel yang boleh dibuka, periksa tahap air bateri. Anda juga boleh memeriksa tahap air melalui sisi bateri yang lut cahaya. Tahap elektrolit (asid sulfurik cair) perlu melepasi sepenuhnya bahagian atas plat setiap sel. Tambahkan air suling untuk meningkatkan paras air bateri dalam setiap sel.

- **Periksa penunjuk.** Bateri bebas senggaraan pula lazimnya tidak bertutup dan mempunyai penunjuk di bahagian atas bateri. Hijau menunjukkan kuasa bateri masih kuat manakala hitam pula lemah. Sekiranya ia menunjukkan tahap yang lemah, dapatkan mekanik atau pengedar bateri untuk memeriksanya.



- **Caj semula selepas jump-start.** Sekiranya anda menghidupkan bateri yang telah mati melalui *jump-start*, pastikan anda mengecasnya semula sepenuhnya. Ini penting terutama sekali jika kereta anda telah lama tidak dihidupkan dan dipandu. Tambahan pula, alternator kereta mungkin tidak dapat mengecas bateri yang telah mati atau terlalu lemah.
- **Bawa kabel pelompat (*jumper cables*)** di dalam kereta sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengatasi masalah bateri mati.

Sentiasa awasi keadaan bateri anda – periksa bateri anda sebelum perjalanan jauh dan hantar kereta untuk diservis. Minta pusat servis untuk menguji bateri anda dan ganti sekiranya perlu bagi mengelakkan kegagalan bateri dan anda terkandas di dalam perjalanan.

Dapatkan mekanik untuk memeriksa bateri sekiranya anda nampak tanda-tanda berikut:

- Bateri yang dipasang oleh pengilang sudah melebihi tiga atau empat tahun, atau bateri yang digantikan itu sudah hampir tamat tempoh jaminan.
- Enjin lemah setelah lama tidak dihidupkan, atau *crank* berbunyi lemah ketika anda cuba menghidupkan enjin.
- Bekas bateri retak, penutup sel pecah, hilang atau kecacatan lain. Sentiasa pasang bateri dengan kukuh pada kedudukannya supaya ia tidak terbalik atau menggelongsor.



Kuasa bateri yang susut sedikit demi sedikit akan memberikan isyarat sehingga ia gagal berfungsi sepenuhnya.

MENYEDIAKAN PENYELESAIAN
MENYELURUH DALAM PENGURUSAN FLEET
UNTUK KEMENTERIAN DAN JABATAN
PERSEKUTUAN DENGAN KENDERAAN
BERJUMLAH HAMPIR 10,000 BUAH DI
SELURUH NEGARA.



MANFAAT KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN SPANCO

- penggantian kenderaan pada kitaran yang tetap
- kenderaan yang sentiasa dijaga rapi
- tahap kesediaan kenderaan yang lebih tinggi pada 98%
- pengurusan tuntutan kemalangan dan litigasi
- pengurusan kesalahan trafik dan saman
- pusat panggilan bebas tol 24 jam
- khidmat bantuan kecemasan 24 jam
- khidmat tunda 24 jam
- laporan dan analisis fleet terperinci
- maklumat sejarah kenderaan
- pengurusan pemeriksaan PUSPAKOM
- khidmat pemasangan dan pengubahsuaian kenderaan

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua,
Batu Complex 51100 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 6253 2888 Faks: 03 - 6253 0623

Pusat Servis Wilayah Batu Caves

No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03 - 6192 8888 Faks: 03 - 6192 8889

Pusat Servis Wilayah Bangi

No. 6, Jalan 9/1, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 - 8913 5115 Faks: 03 - 8913 5000





Jalan raya bukannya tempat untuk menguji keberanian anda.



**Pilih Tempat Melintas Yang Betul.
Anda Mampu Mengubahnya.**